

**BULETIN**

# MDKL



**EDISI  
NO.1**

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
KUALA LANGAT INDAH DAN HARMONI

**TUAN MOHAMAD ZAIN  
BIN A HAMID  
YDP MDKL 2017**

BOSCH

**YANG DIPERTUA**





## PERUTUSAN YDP

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *P.P.T.*

**A**ssalamualaikum wbt.

Sebagai penjawat awam yang bertugas di PBT, saya menyeru agar semua pihak mengekalkan momentum kerja cemerlang yang telah ditunjukkan disamping mempertingkatkan usaha bagi memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu dan menepati ekspektasi pelanggan atau penduduk.

Saya juga amat menghargai atas sikap dan amalan integriti yang tinggi yang diamalkan oleh setiap warga kerja MDKL kerana integriti merupakan satu ungkapan yang membawa pengertian yang sangat luas. Walau bagaimanapun, konsep integriti sentiasa difahami dan dihubungkan dengan nilai-nilai jujur, amanah, adil, boleh dipercayai dan segala tanggungjawab yang diamanahkan dipikul dengan penuh komitmen dan dedikasi disertakan dengan ketulusan dan saksama serta tiada niat mengambil peluang ataupun kesempatan bagi kepentingan diri sendiri.

Sehubungan dengan itu, perkhidmatan pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan tulang belakang kepada pentadbiran Negeri Selangor khasnya dan negara Malaysia amnya yang mengendalikan keperluan pelanggan dalam bentuk pentadbiran, pengawalan, penguatkuasaan dan kebajikan.

Justeru Perkhidmatan Awam sentiasa berhadapan dengan harapan yang tinggi daripada pelanggan. Pelanggan sentiasa mengharapkan Perkhidmatan Awam berfungsi secara cepat, cekap, efisien dan berkesan untuk mencapai matlamat yang diimpikan demi untuk meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dari segi pembangunan ekonomi serta sosial dan MDKL sentiasa berusaha ke arah itu.



## SIDANG REDAKSI

### Penaung

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *P.P.T.*  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Langat

### Penasihat

Tuan Mohd Yasin bin Alwi  
Timbalan Yang Dipertua  
Majlis Daerah Kuala Langat

### Ketua Pengarang

Puan Nurfaadhilah binti Jalaludin

### Pengarang

Encik Mohd Shauki bin Jamaludin  
Encik Mohd Khairuddin bin Soberon

### Penolong Pengarang

Encik Syamsol Herwan bin Ahmad  
Encik Rizaki bin Jaapar  
Puan Nurasykin binti Mohamed Yusuf  
Encik Norhisham bin Othman

### Jurufoto

Encik Samsul bin Zainun  
Encik Ezzaq Effendie bin Ramli

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hakmilik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam  
Majlis Daerah Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304

Emel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my

Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my



# Majlis Perasmian

## BAS SMART Selangor

Majlis Pelancaran Bas Smart Selangor telah diadakan pada 3 Februari 2017 bertempat di Jalan Bunga Pekan 9, Banting. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor bersempena Program Turun Padang ke Daerah Kuala Langat. Bas Smart Selangor Daerah Kuala Langat telah mula beroperasi setiap hari bermula 16 Mei 2016 dengan dua buah bas yang memulakan perjalanan dari 6.00 pagi sehingga 10.00 malam. Dengan kos operasi menelan belanja sebanyak RM 625,400.00 setahun yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor melibatkan satu laluan pergi balik bermula dari Pekan Banting melalui Telok Datok, Kampung Olak Lempit, Kolej Mara Banting, Kawasan Perindustrian Genting Sanyen, sebelum ke *Mitsui Outlet Park, KLIA2* dan berakhir di Stesen ERL Kota Warisan, Salak Tinggi, Sepang.



Laluan ini bersambung dengan perkhidmatan Bas Smart Selangor Majlis Perbandaran Sepang di Stesen ERL Kota Warisan, Salak Tinggi, Sepang dan KLIA2. Antara faedah perkhidmatan Bas Smart Selangor selain tambang percuma, ianya turut dilengkapi dengan ciri-ciri kemudahan tempat duduk yang selesa dengan kapasiti 60 orang penumpang serta kemudahan tempat duduk keutamaan (*priority seat*), Mesra OKU, kemudahan Wifi percuma dan turut mempunyai sistem maklumat penumpang. Statistik jumlah penumpang bermula bulan Mei hingga Disember 2016 menunjukkan seramai 109,292 penumpang telah menggunakan perkhidmatan Bas Smart Selangor ini. Turut hadir majlis perasmian Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.

**BAS SMART Selangor**  
Bermula 16 Mei 2016 #SmartSelangor

Laluan Bas Percuma :  
Banting - Mitsui - KLIA 2 - ERL Salak Tinggi - Banting

WAKTU OPERASI:  
SETIAP HARI  
DARI PADI - TELUK MALAM  
SEKURANG PERJALANAN  
90 MINIT

HOTLINE  
03-31872825  
03-31872732

100% PERCUMA  
UNTUK SEMUA

CINTAI  
TANJUNG  
SEPAT

# PROGRAM ALAM SEKITAR

## SENI DAN BUDAYA @TANJUNG SEPAT



Program Alam Sekitar, Seni Dan Budaya @ Tanjung Sepat telah diadakan pada 6 Februari 2017 bertempat di Pantai Cunang, Tanjung Sepat. Program anjuran Majlis Daerah Kuala Langat dengan kerjasama Majlis Perwakilan Penduduk Zon 18, Jawatankuasa Keselamatan Kampung Orang Asli, Persatuan Tzu Chi, Art2gether dan Merdeka LHS Sdn. Bhd telah dirasmikan Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor. Program yang bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam usaha-usaha ke arah penjagaan alam sekitar secara menyeluruh dan memperkasakan nilai serta aset pelancongan tempatan yang berpotensi serta memperkukuhkan perkongsian pintar di antara semua pihak yang berkepentingan. Turut hadir Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat ke majlis tersebut.





# Majlis Angkat Sumpah

## Yang Dipertua Baharu Majlis Daerah Kuala Langat

Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua Baharu Majlis Daerah Kuala Langat Tuan Mohamad Zain bin A Hamid telah diadakan pada 1 Februari 2017 bertempat di Bilik Cempaka Kuning Majlis Daerah Kuala Langat disaksikan oleh Ahli-Ahli Majlis dan barisan Pengurusan Tertinggi MDKL. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid menggantikan Tuan Mohd Azhar bin Mohamed Ali yang bertukar tempat bertugas ke Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) selama 2 tahun, berpengalaman luas selama 13 tahun dalam perkhidmatan Kerajaan. "Kombinasi antara Ahli Majlis, ADUN dan Pegawai adalah penting

serta harus berganding bahu mencapai kejayaan lebih cemerlang pada masa akan datang". "Saya turut berharap agar semua pihak memberi kerjasama supaya kita dapat mencapai kesepakatan untuk menyampaikan perkhidmatan dalam keadaan harmoni". "MDKL ke arah Perbandaran, kita berusaha ke arah itu kerana masyarakat sering bertanya apa perbezaan antara Daerah, Perbandaran dan Bandaraya, namun sistem perkhidmatan kita adalah sama, Saya juga yakin pendapatan yang kita perolehi sekarang membolehkan kita naik ke tahap perbandaran". Tuan Mohamad Zain bin A Hamid berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sulung selepas Majlis Angkat Sumpah.



# Majlis Malam Penghargaan Dan Perkhidmatan Cemerlang & Jasamu Dikenang

Majlis Malam Penghargaan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016 & Jasamu Dikenang telah diadakan pada 3 Mac 2017 bertempat di Hotel Sama-Sama, KLIA. Majlis dengan tema tradisional ini merupakan acara tahunan yang bertujuan memberikan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang perkhidmatan tahun 2016 dan meraikan pegawai serta kakitangan yang bersara.



Seramai 32 orang pegawai serta kakitangan telah menerima Sijil Penghargaan Cemerlang, manakala seramai 5 orang pegawai dan kakitangan pula diraikan persaraan, turut disampaikan juga penghargaan kepada Ahli Majlis yang telah berkhidmat melebihi 8 tahun seramai 4 orang. Majlis telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya, Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.





# Anugerah Program Sungai

## Dan Pantai Angkat Negeri Selangor 2016

Daerah Kuala Langat telah menjadi johan untuk kali ke-3 berturut-turut bagi kategori Pantai dalam penilaian Program Sungai dan Pantai Angkat Negeri Selangor 2016 selepas memenangi kategori yang sama pada tahun 2014 untuk Pantai Batu Laut dan 2015 untuk Pantai Cunang. Hasil auditan dan penilaian anjuran Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mendapati Pantai Kelanang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan dinobatkan sebagai Johan, hasil berkat usaha bersama Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat dan Majlis Daerah Kuala Langat serta komuniti Kampung Kelanang. Majlis penyampaian dan penerimaan Anugerah tersebut telah diadakan pada 14 Mac 2017 bertempat di *Shah Alam Convention Centre (SACC)*, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.





## KEJOHANAN BOLA SEPAK PANTAI TERBUKA SELANGOR TAHUN 2017

Kejohanan Bola Sepak Pantai Terbuka Selangor Tahun 2017 telah diadakan pada 25 hingga 26 Februari 2017 bertempat di Gelanggang Bola Sepak Pantai, Pantai Morib. Kejohanan yang merupakan salah satu acara tahunan di dalam kalendar penganjuran sukan di bawah kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat, MDKL ini telah menarik penyertaan 36 pasukan terdiri dari dalam dan luar Selangor. Sebanyak 4 kategori dipertandingkan di dalam kejohanan ini. Majlis perasmian penutup serta penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.



## KEJOHANAN BADMINTON

### BERPASUKAN

## PERSATUAN PBT(MALA) MALAYSIA 2017

Kejohanan Badminton Berpasukan Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan (MALA) Malaysia 2017 telah diadakan pada 9 hingga 11 Mac 2017 bertempat di Kompleks Sukan Keningau dan Dewan Masyarakat Keningau Sabah. MDKL menghantar 13 orang wakil menyertai pertandingan tersebut dan menduduki tempat ke-5 dari 21 pasukan yang menyertai pertandingan.



## MDKL MORIB BEACH ULTIMATE FRISBEE 2017



MDKL Morib Beach Ultimate Frisbee 2017 telah diadakan pada 18 Mac 2017 bertempat di Gelanggang Bola Sepak Pantai dan Padang Bola Sepak, Pantai Morib. Kejohanan yang merupakan salah satu acara tahunan di dalam kalendar penganjuran sukan di bawah kelolaan Jabatan Pembangunan Masyarakat, MDKL ini telah menarik penyertaan 16 pasukan terdiri dari dalam dan luar Selangor. Sebanyak 3 kategori dipertandingkan di dalam kejohanan ini. Majlis perasmian penutup serta penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.





## TAKLIMAT DAN DIALOG KEMPEN KUALA LANGAT KE ARAH BEBAS BEG PLASTIK DAN POLISTERINA 2017



Taklimat Dan Dialog Kempen Kuala Langat Ke Arah Bebas Beg Plastik dan Polisterina 2017 telah diadakan pada 17 Mac 2017 bertempat di Dewan Sri Jugra, Telok Datok. Jabatan Perancangan Pembangunan MDKL bersama Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat dan Syarikat Mutiara Atiqah telah menyampai taklimat tentang kesedaran kepada peserta tentang keburukan penggunaan plastik dan polisterina kepada alam sekitar. Sesi taklimat ini menarik penyertaan seramai 150 orang yang terdiri dari para peniaga bazar Ramadhan semasa sesi Cabutan Undian Tapak Bazar Ramadhan Kuala Langat. Turut hadir Ahli-Ahli Majlis MDKL.



## PROGRAM SEMBURAN AEROSOL SELANGOR

Program Semburan Aerosol Selangor (SAS) dijalankan serentak di semua Pihak BerkuasaTempatan (PBT) Negeri Selangor pada 26 Februari 2017. Lokaliti yang dipilih adalah Taman Dato Hormat, Telok Panglima Garang kerana merupakan salah satu lokaliti *hotspot* Demam Denggi sebanyak 15 kes yang telah dilaporkan. Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekitaran, MDKL berkerjasama dengan Pejabat Kesihatan Kuala Langat (PKD Kuala Langat) dan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 5 melaksanakan program tersebut. Antara aktiviti yang dijalankan ialah taklimat Situasi Kes Demam Denggi oleh PKD Kuala Langat, gotong-royong, *larvasiding*, pemusnahan tempat pembiakan (PTP) dan lawatan rumah ke rumah oleh pasukan *Communication for Behaviourial Impact (COMBI)*. Sebanyak 200 unit Aerosol sumbangan Kerajaan Negeri Selangor diedarkan kepada peserta gotong-royong dan penduduk bagi tujuan aktiviti semburan di dalam rumah ia selaras dengan saranan Kerajaan Negeri Selangor 'Satu Rumah Satu Aerosol' berjaya dilaksanakan bagi merealisasikan 'Selangor Bebas Denggi'. Inisiatif ini dibuat kerana semburan kabus (*fogging*) hanya dapat dilakukan di luar rumah kerana tidak mendapat kerjasama penduduk untuk semburan di dalam rumah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi.





*Majlis Malam  
Anugerah Perkhidmatan  
& Jasamu*

**MAJLIS DAERAH**

**Disempurnakan**

**Y.B Dato' Mohd Am**

**Y.B. Setiausaha Kerajaan**

**3 Mac 2017 | Hotel**

**Kuala Langat Indah**



*Penghargaan &  
Penganugerahan Pemerlang 2016  
Dikenang*

**KUALA LANGKAT**

**diadakan Oleh**

**Abdullah bin Ahmad Ahya**

**Yang Di-Pertua**  
Majlis Persekutuan Kerajaan Negeri Selangor

**Sama-Sama, KLIA**

**Kebersihan & Harmoni**

# OSC ONLINE MDKL

One Stop Centre | Majlis Daerah Kuala Langat

Majlis Daerah Kuala Langat mula melaksanakan penggunaan *OSC Online* bermula pada 1 Januari 2016. Ketika pelaksanaan tersebut hanya dua kategori permohonan disyaratkan penyerahan secara *online* iaitu Permohonan Pelan Alamat dan Permohonan Pelan Landskap. Bermula pada 1 Januari 2017 MDKL terus memperluaskan pelaksanaannya kepada semua kategori permohonan. Aplikasi ini terbahagi kepada dua modul utama iaitu e-Penyarahan yang membantu pihak pemohon mengemukakan permohonan pengeluaran permit pembinaan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Manakala e-Pemprosesan membantu OSC, PBT dan Agensi Teknikal Luaran untuk memperaku permohonan yang dikemukakan. *OSC Online* ini adalah merupakan salah satu alat sokongan (*support system*) yang mesra

penguna yang boleh dicapai di mana saja secara talian menggunakan pelayar *Mozilla Firefox v.3* menerusi laman sesawang <http://osc.mdkl.gov.my/eOSC/pemprosesan.page>. Secara keseluruhannya, Sistem *OSC Online* ini banyak memberikan manfaat dan memudahkan urusan permohonan pengeluaran permit pembinaan oleh pihak *Prinsipal Submitting Person (PSP)*. Tempoh menunggu layanan di kaunter dapat dikurangkan kerana *PSP* hanya datang untuk membuat penyerahan dokumen sahaja berbanding dengan sebelum ini. Manfaat *OSC Online* ini memudahkan pelanggan berurusan dengan PBT secara lebih profesional, efektif dan cekap. Ia juga dijangka dapat menyumbang kepada pelaksanaan kerajaan elektronik yang lebih efisien, berkualiti, selamat dan mesra pelanggan serta mampu memberi impak tinggi kepada orang ramai.

<http://osc.mdkl.gov.my/eOSC/pemprosesan.page>





## MESYUARAT MENDENGAR BANTAHAN SENARAI NILAIAN PENGGAL 1/2017

Mesyuarat Mendengar Bantahan Senarai Nilai Penggal 1/2017 telah diadakan pada 20 Februari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning, Majlis Daerah Kuala Langat yang dikendalikan Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Tujuan diadakan untuk mendengar bantahan penduduk seramai 44 orang terhadap Nilai Cukai Taksiran yang perlu dibayar oleh mereka. Mesyuarat telah dipengerusikan Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Setiausaha Majlis Daerah Kuala Langat.



## MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN LIMAU SEMPENA TAHUN BAHARU CINA 2017



Majlis Sumbangan Buah Limau sempena Tahun Baharu Cina telah diadakan pada 24 Januari 2017 bertempat di ruang legar Majlis Daerah Kuala Langat. Pemberian sumbangan ini merupakan acara tradisi tahunan yang dilakukan oleh Ahli Majlis yang berbangsa Cina kepada pegawai dan kakitangan MDKL.



## PROGRAM PEMELIHARAAN ALAM SEKITAR Formulasi Effective Microorganism (EM) Mudball Bersama Politeknik Shah Alam



Program Pemeliharaan Alam Sekitar - *Formulasi Effective Microorganism (EM) Mudball* Bersama Politeknik Shah Alam telah diadakan pada 12 Mac 2017 bertempat di Taman Banting Baru. Jabatan Perancangan Pembangunan, MDKL selaku urusetia, bekerjasama dengan Jabatan Veterinar Kuala Langat dan Majlis Perwakilan Penduduk Zon 16. *EM Mudball* adalah campuran antara tanah liat, bahan organik, *molases*, mineral dan gabungan bakteria berfaedah iaitu *Laktik Asid*, Bacteria *Fototropik*, *Yis* dan *Antinomycetes*. *EM Mudball* diformulakan untuk kesesuaian kes atau persekitaran ia mudah dilontar dan tenggelam dalam air serta bertindak memecahkan molekul-molekul organik seperti sisa-sisa sampah, lumpur, logam berat dan sebagainya, diantara pengisian info taklimat yang telah disampaikan oleh pegawai Veterinar Kuala Langat kepada peserta yang hadir seramai 60 peserta. Antara aktiviti yang dijalankan menghasilkan sendiri *EM Mudball* dan melemparkan ke dalam tasik dan longkang di sekitar Taman Banting Baru.

## Majlis Angkat Sumpah TIMBALAN YANG DIPERTUA



Majlis Angkat Sumpah Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat Tuan Mohd Yasin bin Alwi telah diadakan pada 21 Februari 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Cempaka Kuning, MDKL semasa Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bilangan 2 Tahun 2017. Majlis disaksikan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua (YDP) serta Ahli-Ahli Majlis dan barisan Pengurusan Tertinggi MDKL. Tuan Mohd Yasin bin Alwi akan berperanan menjalankan kewajiban dan tanggungjawab YDP semasa ketiadaannya mengikut Seksyen 2, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 sebagai Pegawai Pengawal dalam pengurusan kewangan, mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis, serta membuat keputusan atas kuasa YDP dan bertanggungjawab secara langsung dalam mengurus jabatan-jabatan, pengurusan dan perkhidmatan.





**PROGRAM RELAX RIADAH DAN GOTONG-ROYONG  
BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
PUTRAJAYA, PERSINT 9(1)  
19 FEBRUARI 2017 | PANTAI MORIB**



**PROGRAM CSR PEMBERSIHAN PANTAI KELANANG  
BERSAMA BT SYSTEM (MALAYSIA SDN BHD)  
18 MAC 2017 | PANTAI KELANANG**



# OPERASI

## KENDERAAN BERAT BILANGAN 1/2017



Operasi Kenderaan Berat Bilangan 1/2017 telah diadakan pada 10 Februari 2017. Operasi melibatkan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang diketuai oleh Jabatan Penguatkuasa MDKL. Operasi ini meliputi taman-taman dan jalan protokol di bawah pentadbiran MDKL. Operasi melibatkan 12 orang anggota, 3 pegawai Penguatkuasa MDKL, 4 orang anggota SPAD Subang dan 4 orang anggota JPJ cawangan Jalan Kebun. Penguatkuasa MDKL yang bertindak di bawah kesalahan, UUK Taman, di bawah Seksyen 7(1) dan SPAD bertindak dibawah Notis Panggilan Temusiasat (Sek 224 APAD 2010) manakala JPJ bertindak Di Bawah Kesalahan, S79 (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Operasi melibatkan 4 kawasan taman perumahan di Zon Banting, Tanjong Sepat, Bandar Mahkota, Telok Panglima Garang dan Jenjarom. Manakala lokasi pemeriksaan jalan melibatkan Jalan Kelang Banting dan Jalan Kanchong. Hasil operasi mengeluarkan 73 Notis Kesalahan, 6 Notis Panggil Temusiasat dan 6 Kompaun. Operasi Bersepadu yang dilaksanakan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan serta memberi kesedaran kepada pemilik-pemilik kenderaan berat yang melebihi 3 tan metrik di kawasan taman dan di bahu-bahu jalan utama merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.







## PROGRAM KOMUNITI CELIK IT 1/2017



Program Komuniti Celik IT 1/2017 telah diadakan pada 24 Januari 2017 bertempat di Kolej Komuniti Kuala Langat. Program anjuran Jabatan Pembangunan Masyarakat, MDKL. Program bertujuan memberi pembelajaran serta meningkatkan kemahiran penggunaan *Microsoft Office*. Program ini menarik seramai 40 orang penyertaan warga Kuala Langat khususnya di peringkat belia. Majlis penutup dan penyampaian sijil penyertaan telah disempurnakan oleh Encik Miskon bin Haji Karim, daripada Jabatan Khidmat Pengurusan, wakil pihak pengurusan tertinggi MDKL.



## KURSUS KEMAHIRAN MICROSOFT OFFICE 2013



Kursus Kemahiran *Microsoft Office 2013* telah diadakan pada 31 Januari 2017 hingga 2 Februari 2017 bertempat di Makmal Komputer Pusat Latihan Awam Selangor, Morib. Program anjuran Jabatan Khidmat Pengurusan dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat, MDKL. Objektif kursus ini bertujuan memberi kefahaman dan meningkatkan kemahiran peserta menggunakan perisian *Microsoft Office 2013* dengan lebih baik dan berkualiti. Penyertaan terbuka kepada semua pegawai dan kakitangan MDKL telah menarik penyertaan seramai 24 orang.



## KURSUS PENGKUKUHAN PENULISAN SURAT RASMI DAN MEMO SIRI 1/2017

Kursus Pengukuhan Penulisan Surat Rasmi dan Memo Siri 1/2017 telah diadakan pada 8 hingga 10 Mac 2017 bertempat di Hotel *Crystal Crown*, Petaling Jaya. Program anjuran Jabatan Khidmat Pengurusan, MDKL. *Effective Learning Management* selaku tenaga pengajar telah memberi kefahaman secara jelas, berani dan tepat melalui mesej dan komunikasi melalui teknik-teknik penulisan mengikut kesesuaian format kerajaan secara teratur dan berkesan. 30 orang Pembantu Tadbir N19 mewakili setiap jabatan di MDKL menyertai kursus ini. Majlis perasmian dan penutup telah disempurnakan oleh Encik Hishamuddin bin Ismail, daripada Jabatan Khidmat Pengurusan, wakil pihak pengurusan tertinggi MDKL.



## OPERASI BERSEPADU PEMERIKSAAN TERHADAP PENIAGA DI TAMAN CEMPAKA, BANTING

Operasi bersepadu pemeriksaan terhadap peniaga di Taman Cempaka, Banting telah diadakan pada 5 Januari 2017 disertai pegawai dan kakitangan seramai 14 orang terdiri dari Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Awam serta Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MDKL. Tujuan operasi ini bagi melihat tahap kebersihan serta pematuhan yang telah ditetapkan di dalam syarat-syarat pengeluaran lesen perniagaan di samping mendengar permasalahan yang dihadapi oleh peniaga serta pelanggan yang berurusan di premis berkenaan. Hasil daripada pemeriksaan ini juga sebanyak 27 notis kesalahan telah dikeluarkan, di antaranya 3 kesalahan mengikut Sek.46(1) (d), Akta 133 iaitu Halangan Kaki lima. 9 kesalahan UUK 7 Iklan, 1 kesalahan UUK 3(1)(a) Penternak Burung Walit dan Perusahaan Sarang Burung Walit MDKL 2013, 1 kesalahan UUK 3 Pusat Kecantikan dan Rawatan Kesihatan, 12 kesalahan UUK 3 Pelesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian MDKL dan 1 kesalahan UUK 3(a) Mencegah Kekotoran MDKL.



## LAWATAN DELEGASI PELANCONGAN DAN MEDIA BANDAR WUHAN CHINA KE DESTINASI PERLANCONGAN KUALA LANGAT

Lawatan Delegasi Pelancongan dan Media Bandar Wuhan China Ke Destinasi Pelancongan Kuala Langat seramai 11 orang telah diadakan pada 25 Mac 2017. Tujuan lawatan adalah untuk mengkaji serta memperkenalkan destinasi pelancongan dan kebudayaan menarik di sekitar Kuala Langat untuk kalendar promosi pelancongan Negara China. Antara tempat yang dilawati adalah Kampung Sijangkang Telok Panglima Garang iaitu Taman Rekreasi Paya Bakau dan Rumah Tradisional 100 tahun yang dimiliki Encik Ahmad Kodiran bin Haji Ali. Bagi memperkenalkan adat kebudayaan dan corak kebudayaan masyarakat Orang Asli, pelancong dibawa ke Kampung Budaya Mah Meri, Pulau Carey. Pusat tumpuan utama rumah ibadah agama Buddha di Asia Tenggara, para pelancong dibawa ke rumah ibadat *Fo Guang Shan Dong Zen Temple*, Jenjarum turut diperkenalkan dan merupakan destinasi terakhir dilawati. Lawatan ini diketuai *Tourism Selangor Sdn. Bhd (TSSB)* turut disertai wakil ejen pelancongan tempatan serta Unit Korporat dan Perhubungan Awam, MDKL yang mengiringi sepanjang lawatan ini.





# OPERASI BERSEPADU PENGURUSAN PELUPUSAN SAMPAH PENIAGA PASAR MALAM TANJUNG SEPAT

Operasi Bersepadu Pengurusan Pelupusan Sampah Peniaga Pasar Malam Tanjung Sepat telah diadakan pada 10 Januari 2017 bertempat di Pasar Malam Tanjung Sepat. Operasi pemeriksaan diketuai oleh Unit Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan turut disertai Jabatan Perlesenan dan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Penguatkuasaan, MDKL. Selain operasi pemeriksaan lesen perniagaan tapak pasar malam, turut diadakan edaran notis arahan pengurusan pelupusan sampah secara sistematik kepada para peniaga bertujuan memberi kesedaran kepada para peniaga berkenaan pengurusan sampah dengan sempurna untuk penjagaan alam sekitar, selain mendengar permasalahan yang dihadapi oleh peniaga serta pelanggan yang berurusan di tapak pasar malam berkenaan. Para peniaga juga turut dimaklumkan untuk memperbaharui lesen perniagaan masing-masing yang telah tamat tempoh.



# OPERASI SAMPAH HARAM BANDAR SAUJANA PUTRA 2017

UUK4 PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP MDKL 2007

KESALAHAN MEMBUANG SAMPAH DITEMPAT AWAM



# OPERASI INVENTORI TADIKA/TASKA BANDAR SAUJANA PUTRA/BANDAR RIMBAYU 2017

UUK3 TRED PERNIAGAAN & PERINDUSTRIAN (MDKL) 2007

KESALAHAN MENJALANKAN AKTIVITI PERNIAGAAN TANPA LESEN DARI MDKL



# MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT ANDA DIPERHATIKAN

Membuang Sampah Di Tempat Yang  
Tidak Sepatutnya Adalah Satu Kesalahan

Dibawah Undang-Undang Kecil Pemungutan  
Pembuangan & Pelupusan Sampah-sarap (MDKL) 2007  
Dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MDKL) 1994

Pesalah boleh dikenakan tindakan:  
Kompaun maksimum RM 1,000.00  
Denda oleh mahkamah maksimum RM 2,000.00



## PERINGATAN !!!

PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA TANPA KELULUSAN  
DARI MAJLIS ADALAH SATU KESALAHAN DI BAWAH AKTA JALAN,  
PARIT & BANGUNAN 1974 (AKTA 133)

## ELAKKAN DARI DIKENAKAN TINDAKAN !!!

SILA KEMUKAKAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN KEPADA  
MAJLIS SEBELUM KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DIJALANKAN

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :  
JABATAN KAWALAN BANGUNAN  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT  
DI TALIAN 03-31872825 SAMB. 123



## #BEBASPLASTIK

### 7 HARI SEMINGGU!

Tiada lagi beg plastik percuma dan bekas  
polistirena disediakan di premis perniagaan  
berhampiran anda.

**BEBASPLASTIK.MY**



Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar,  
Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

